

PERLEMBAGAAN MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN SELANGOR DARUL EHSAN

1. Nama

1.1 Nama pertubuhan ini ialah :-

“Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan” (MAKSAK Selangor Darul Ehsan)

2. Alamat Berdaftar dan Tempat Mesyuarat

2.1 Alamat berdaftar dan tempat mesyuarat Majlis ini ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, Tingkat Bawah, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam atau lain-lain tempat yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja dari masa ke semasa dengan mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

3. Penaung

3.1 Penaung Majlis ini ialah YAB. Dato' Menteri Besar Selangor Darul Ehsan.

4. Lambang

4.1 Lambang rasmi Majlis hendaklah lambang rasmi Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan warna Majlis hendaklah terdiri dari merah, kuning dan putih.

5. Takrif

5.1 “Ahli” bermakna Kelab/Persatuan Sukan, Kebudayaan, Hiburan Kebajikan dan Sosial, dari Jabatan-Jabatan/Agensi-Agensi Kerajaan yang berpejabat di negeri Selangor sahaja yang diterima oleh Majlis ini.

5.2 “Majlis” bermakna Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Negeri Selangor.

5.3 “Jawatankuasa Kerja” bermakna ahli-ahli Jawatankuasa yang dipilih/dilantik mengikut Peraturan 7 dalam perlembagan ini.

5.4 “Pegawai-Pegawai Majlis” bermakna yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Naib-Naib Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari Kehormat.

5.5 “Wakil” bermakna pegawai ini ialah untuk dilantik oleh badan-badan gabungan untuk mewakili badan-badan tersebut dalam Majlis.

6. Tujuan

6.1 Tujuan Majlis ini ialah untuk memupuk perasaan harmoni, muhibah, persefahaman dan tali persahabatan yang erat di kalangan semua anggota-anggota dan badan-badan yang bergabung dengan Majlis menerusi kegiatan-kegiatan sukan, kebudayaan, kebajikan, rekreasi dan lain-lain yang difikirkan perlu.

7. Keahlian

- 7.1 Semua Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Peringkat daerah adalah menjadi Ahli Tetap MAKSAK Selangor.
- 7.2 Kelab-kelab dari Jabatan/Agensi-Agensi Kerajaan yang telah berdaftar boleh memohon menjadi Ahli Gabungan.

8. Pengurusan

- 8.1 Majlis hendaklah diuruskan oleh sebuah Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada:-
 - 8.1.1 Yang Dipertua yang mana ianya YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
 - 8.1.2 Timbalan Yang Dipertua yang mana ianya ialah Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dilantik oleh Yang Dipertua.
 - 8.1.3 Dua (2) orang Naib Yang Dipertua, satu darinya dilantik oleh Yang Dipertua.
 - 8.1.4 Setiausaha Kehormat yang dilantik oleh Yang Dipertua.
 - 8.1.5 Bendahari Kehormat yang dilantik oleh Yang Dipertua.
 - 8.1.6 Tiga (3) orang Wakil Ahli Gabungan yang dipilih dalam Mesyuarat Agung.
 - 8.1.7 Tiga (3) orang Wakil Ahli Tetap yang dipilih dalam Mesyuarat Agung.
- 8.2 Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja akan menyandang Jawatan selama dua (2) tahun.
- 8.3 Setiausaha Kehormat dengan kelulusan Jawatankuasa Kerja boleh melantik tidak lebih dari dua (2) orang Penolong Setiausaha yang akan bertugas membantu Setiausaha Kehormat dan ia adalah merupakan Ahli Jawatankuasa tetapi tidak berhak mengundi.
- 8.4 Untuk peringkat Daerah, pengurusannya adalah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan ahli-ahli yang dipilih dikalangan jabatan peringkat Daerah. Jumlah kakitangan pengurusan adalah lebih daripada jumlah pengurusan MAKSAK di peringkat negeri.

9. Yuran

- 9.1 Semua Ahli Gabungan hendaklah membayar yuran tahunan sebanyak RM 100.00 atau sebarang jumlah yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang boleh dibayar sebelum atau pada 31hb Januari tiap-tiap tahun. Walaubagaimanapun perubahan kadar yuran hanya boleh dikuatkuasa apabila kelulusan daripada pertubuhan diperolehi.

10. Mesyuarat Agung Tahunan

- 10.1 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat daripada bulan April setiap tahun bagi tujuan berikut:
 - 10.1.1 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lepas.
 - 10.1.2 Menerima Laporan Jawatankuasa Kerja mengenai hal ehwal Majlis bagi tahun lepas.
 - 10.1.3 Menerima dan Meluluskan Penyata Kira-kira yang berakhir pada 30hb Disember, bagi tahun lepas.
 - 10.1.4 Menimbang dan Menerima amaun anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi sesuatu tahun yang akan datang.
 - 10.1.5 Melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja secara membuang undi.
 - 10.1.6 Melantik dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira.
 - 10.1.7 Menimbang perkara-perkara lain dengan syarat perkara-perkara tersebut hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya memberi notis tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

11. Mesyuarat Agung Luar Biasa

- 11.1 Dengan usul Jawatankuasa Kerja sendiri atau atas permintaan setengah (1/2) daripada jumlah Ahli Gabungan, satu Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh diadakan untuk membincangkan sesuatu perkara tertentu.

12. Notis Mesyuarat

- 12.1 Mesyuarat Agung Tahunan dan Luar Biasa
 - 12.1.1 Notis bagi tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Luar Biasa yang menentukan perkara yang akan dibincangkan hendaklah dihantar kepada tiap-tiap Ahli Jawatankuasa Kerja dan setiap Badan Gabungan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat itu diadakan. Bagi Mesyuarat Agung Tahunan, satu (1) salinan Penyata Kira-Kira Tahunan yang diauditkan, yang berakhir pada 31hb Disember bagi tahun yang lalu hendaklah disertakan bersama-sama dengan notis.
- 12.2 Mesyuarat Jawatankuasa Kerja
 - 12.2.1 Notis mesyuarat jawatankuasa Kerja hendaklah dihantar kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja sekurang-kurangnya empat (4) hari sebelum mesyuarat itu diadakan.

13. Korum Mesyuarat

- 13.1 Korum bagi tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa ialah setengah daripada jumlah wakil atau dua (2) kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa Kerja (ikut mana yang kurang) yang hadir. Sekiranya korum itu tidak dapat ditubuhkan, mesyuarat akan ditangguhkan bagi tempoh selama tujuh (7) hari dan ahli-ahli yang hadir di mesyuarat yang kedua bolehlah menjalankan semua perkara-perkara yang telah ditentukan bagi mesyuarat pertama.
- 13.2 Korum bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ialah satu pertiga ($1/3$) daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa tersebut.

14. Wakil Dan Pemerhati

- 14.1 Tiap-tiap ahli berhak menghantar dua (2) orang iaitu satu (1) orang pemerhati ke Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa. Pemerhati tidak boleh mengambil bahagian berunding dan juga tidak berhak untuk mengundi di dalam kedua-dua mesyuarat di atas.

15. Tugas Pegawai-Pegawai

- 15.1 Yang Dipertua akan mempengerusikan semua mesyuarat. Sekiranya beliau tidak hadir, Timbalan Yang Dipertua atau salah seorang dari Naib Yang Dipertua boleh dilantik untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Sekiranya Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua tidak hadir, seorang Pengerusi boleh dilantik di antara ahli-ahli yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu.
- 15.2 Setiausaha Kehormat hendaklah menjalankan kerja-kerja Majlis mengikut undang-undang dan perintah-perintah Mesyuarat-Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa Kerja. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat mesyuarat dan menyimpan rekod dan laporan Majlis. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan/minit mesyuarat.
- 15.3 Bendahari Kehormat bertanggungjawab berkenaan semua hal ehwal Majlis. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kebetulannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek bersama-sama dengan Yang DiPertua dan/atau Timbalan Yang Dipertua dan/atau Naib Yang Dipertua dan/atau Setiausaha Kehormat.

16. Kuasa Dan Tugas-tugas Jawatankuasa Kerja

- 16.1 Jawatankuasa Kerja mempunyai kuasa untuk mengambil segala tindakan yang perlu dilaksanakan tujuan-tujuan Majlis dengan sempurna.
- 16.2 Jawatankuasa Kerja adalah berkuasa melantik Jawatankuasa Kecil itu apabila diperlukan. Jawatankuasa Kecil itu adalah tertakluk kepada arahan dan Kawalan Jawatankuasa Kerja.

- 16.3 Jawatankuasa Kerja adalah berkuasa membuat peraturan-peraturan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan Majlis.
- 16.4 Jawatankuasa Kerja berkuasa mengisi apa-apa jawatan kosong di dalam Jawatankuasa Kerja.
- 16.5 Jawatankuasa Kerja mempunyai kuasa untuk bergabung dengan mana-mana Pertubuhan Negeri atau Kebangsaan yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama atau yang hampir-hampir serupa.
- 16.6 Jawatankuasa Kerja mempunyai kuasa untuk membeli, memajak atau membuat tukaran, menyewa, mendapat atau lainnya harta-harta alih atau tak alih dan mendapat sesuatu hak atau keistimewaan-keistimewaan yang difikirkan perlu atau untuk memberi kemudahan bagi maksud Majlis dan juga memperbaiki, memperelok, mengurus, menjual, memajak, menggadai janji, menyelesaikan, menjadi akaun atau lainnya mengendalikan semuanya atau mana-mana daripada bahagian harta Majlis.
- 16.7 Jawatankuasa Kerja mempunyai kuasa untuk membina, menyelenggara atau mengubah bentuk sesuatu rumah, bangunan atau kerja-kerja yang perlu atau yang boleh memberi kemudahan bagi maksud Majlis.
- 16.8 Jawatankuasa Kerja mempunyai kuasa untuk mengumpul dan mentadbirkan kumpulan wang bagi maksud mempergiatkan lagi tujuan-tujuan Majlis.
- 16.9 Jawatankuasa Kerja hendaklah menghantar kepada Pertubuhan Penyata Tahunan mengikut Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan Penyata Tahunan, 1966 dalam masa 28 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

17. Kumpulan Wang

- 17.1 Semua wang yang diterima oleh Majlis akan dimasukkan kira atas nama Majlis di bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja dan semua wang keluar daripada kira-kira bank hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua dan/atau Timbalan Yang Dipertua dan/atau Naib Yang Dipertua dan/atau Setiausaha dan/atau Bendahari Kehormat.
- 17.2 Kumpulan wang yang lebih daripada seratus ringgit (100) tidak boleh disimpan oleh Bendahari Kehormat sebagai wang runcit (*petty cash*).
- 17.3 Tidak kira apa-apa pun dalam peraturan ini, Jawatankuasa Kerja tidak boleh membuat sebarang perbelanjaan yang lebih daripada kumpulan wang Majlis yang ada sekarang tanpa memperolehi kelulusan terlebih dahulu di Mesyuarat Agung.
- 17.4 Tahun kewangan Majlis ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

18. Waktu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja

- 18.1 Jawatankuasa Kerja hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan atau di masa-masa lain sebagaimana yang perlu untuk menjalankan tugas-tugas Jawatankuasa itu.

19. Ketetapan

- 19.1 Sesuatu usul atau ketetapan tidak boleh dikemukakan kepada sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan melainkan perkara-perkara mengenainya telah diberitahu secara bertulis kepada Setiausaha Agung terlebih dahulu, dengan syarat bahawa mana-mana wakil sekutu boleh mengemukakan apa-apa perkara mengenai Majlis dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

20. Pemeriksa Kira-Kira

- 20.1 Dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira yang bukan ahli-ahli Jawatankuasa kerja boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-Kira Kehormat.

21. Pengundian

- 21.1 Tiap-tiap wakil ahli dan tiap-tiap orang ahli Jawatankuasa Kerja mempunyai satu (1) undi sahaja. Pengerusi mesyuarat mempunyai pengundian muktamad (*casting vote*) termasuk undinya sendiri jika pengundian adalah sama.

22. Pindaan Kepada Perlembagaan

- 22.1 Sebarang pindaan kepada Perlembagaan ini tidak boleh dibuat melainkan dengan keputusan yang diluluskan oleh dua per tiga (2/3) daripada jumlah wakil ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa. Permohonan pindaan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa dua puluh lapan (28) hari dari tarikh kelulusan Mesyuarat Agung. Segala pindaan hanya boleh dikuatkuasakan setelah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

23. Pembubaran

- 23.1 Majlis tidak boleh dibubarkan tanpa persetujuan dua per tiga (2/3) daripada jumlah ahli Majlis yang hadir dalam sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan, yang dipanggil khas bagi maksud itu. Bagi tujuan ini, korum keahlian dua per tiga (2/3) daripada ahli majlis.
- 23.2 Jika Majlis dibubarkan sebagaimana yang disyaratkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan yang dilakukan mengikut undang-undang bagi pihak Majlis hendaklah diselesaikan dan baki kumpulan itu didermakan kepada badan kebajikan atau lain-lain pertubuhan yang sesuai yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia.

24. Larangan

- 24.1 Majlis ini tidak boleh mempunyai apa-apa pergabungan di luar Malaysia.